

08 MAY 2003

Umno-Ulang tahun

UCAPTAMA DR MAHATHIR ACARA KEMUNCAK ULANG TAHUN UMNO KE-57

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Ucaptama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi acara kemuncak majlis sambutan ulang tahun Umno ke-57 di sini, pada Ahad ini.

Presiden Umno itu akan menyampaikan ucapannya di hadapan kira-kira 40,000 anggota dan penyokong parti di Stadium Merdeka, tempat bergemanya laungan "Merdeka" negara ini oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 1957.

Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata ucapan Dr Mahathir dijangka menyentuh hala tuju parti sebagai pejuang utama bangsa Melayu dan negara sesuai dengan tema "Perjuangan Sebuah Bangsa" bagi sambutan ulang tahun parti kali ini.

"Perdana Menteri juga akan menyentuh perjuangan bangsa Malaysia sebagai ingatan kepada generasi muda tentang sejarah perjuangan negara mencapai kemerdekaan," katanya pada sidang media mengenai persiapan sambutan ulang tahun parti itu di sini, hari ini.

Tengku Adnan berkata Umno merupakan tunggak parti pemerintah Barisan Nasional (BN) yang memperjuangkan hak bangsa Melayu dan bangsa Malaysia dengan mengamalkan sikap toleransi amat tinggi antara kaum serta perkongsian kuasa dalam BN.

Beliau berkata sikap toleransi antara kaum itu mesti diteruskan untuk membangunkan negara.

Sambutan ulang tahun itu, yang diadakan sebelum perhimpunan agung Umno pada 18 hingga 20 Jun ini, akan disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Tengku Adnan berkata antara acara lain yang diaturkan pada sambutan itu ialah persembahan hiburan, pertunjukan payung terjun dan "paragliders" yang membawa gambar Presiden Umno dan bendera parti serta pertunjukan bunga api.

Beliau berkata majlis kesyukuran sempena ulang tahun Umno juga akan diadakan di negeri-negeri sehinggalah menjelang perhimpunan agung Umno.

Dalam perkembangan lain, Tengku Adnan berkata semua Umno bahagian kecuali Kubang Pasu sudah selesai mengadakan mesyuarat agung tahunannya yang berlangsung sepanjang bulan lepas.

Beliau berkata Umno Bahagian Kubang Pasu diberi kebenaran mengadakan mesyuaratnya pada 23 Mei ini.

"Setakat ini, tiada masalah di peringkat mesyuarat bahagian dan ibu pejabat tidak menerima bantahan kerana semua telah bermesyuarat mengikut peraturan yang ditetapkan Setiausaha Agung parti," katanya.

Mengenai laporan kekecohan perjalanan mesyuarat agung tahunan Umno Bahagian Kulim/Bandar Baru, Tengku Adnan berkata Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein telah diarahkan untuk menyelesaikannya.

"Itu masalah Pemuda dan Ketua Pemuda (Hishammuddin) telah diarah supaya menyelesaikan. Ibu pejabat Umno tidak akan campur tangan sehingga kalau diperlukan oleh Pemuda Umno untuk kita campur tangan, barulah kita campur tangan untuk beri nasihat atau sebagainya," katanya.

Kekecohan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kulim/Bandar Baharu pada 25 April lepas berlaku apabila terdapat perselisihan antara Pemuda bahagian dengan kepimpinan bahagian itu yang tidak berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat bahagian itu.

-- BERNAMA

HS AHH NAK